

**Dengan angka ekonomi yang kuat, BN semakin yakin berdepan PRU**  
**Malaysian Insider**  
**31 Ogos, 2012**  
**Oleh Jahabar Sadiq**

KUALA LUMPUR, 31 Ogos — Angka ekonomi yang kuat dan peningkatan sokongan meningkatkan keyakinan parti dalam Barisan Nasional (BN), dimana ahli strategi merasakan momentum terbina dibelakang parti pemerintah tersebut dan keadaan sesuai untuk pilihan raya mengejut pada bila-bila masa dari sekarang.

Beberapa ahli strategi memberitahu The Malaysian Insider faktor "rasa baik" dirasai dikala negara menyambut ulangtahun ke 55 sebagai negara merdeka.

Perdana menteri, Datuk Seri Najib Razak dan kabinetnya menyertai Yang Di Pertuan Agong dalam acara sambutan tahunan di Dataran Merdeka pagi ini bersama-sama dengan ribuan rakyat yang mengibarkan bendera dalam acara tersebut.

"Ini adalah pembinaan momentum dan keadaan baik untuk mengadakan pilihan raya selepas pembentangan belanjawan bulan depan," kata seorang ahli strategik kepada The Malaysian Insider.

Beliau berkata parti BN sedang bekerja ditahap tertinggi dan mula memperkenalkan calon disesetengah kawasan diseluruh negara.

Akan tetapi, majoriti parti BN sudah menerima hakikat bahawa mereka terpaksa mengorbankan kerusi tradisi mereka kepada Umno demi memastikan kemenangan lebih besar oleh kerana kekalahan terbesar pada pilihan raya 2008.

"Umno adalah parti paling tersusun dan jika calon mereka jauh lebih baik, parti lain akan berikan kerusi mereka," kata ahli strategi tersebut.

Ahli strategi lain berkata BN telah memberi gambaran 60 hari selepas Hari Belanjawan pada 28 September sebagai tarikh pilihan raya umum (PRU) dengan ganjaran belanjawan dan angka baik ekonomi boleh mempengaruhi lebih kurang 12 juta pengundi untuk mengekalkan kuasa gabungan tersebut.

"BN paling berpengalaman dalam ekonomi dan inisiatif Najib akan mula diagihkan," katanya.

Dalam ucapan Hari Merdeka malam tadi, Najib berkata pelaksanaan fasa kedua Program Transformasi Kerajaan (GTP) mempunyai prospek untuk meningkatkan kemakmuran negara ke tahap lebih tinggi dan akan menyaksikan penglibatan masyarakat serentak dengan penglibatan lebih bermakna dari badan korporat dan badan bukan kerajaan.

"Kita sedang berada dalam tempoh masa yang monumental bagi Malaysia," kata Najib.

"Dimana-mana saja, rakyat boleh melihat perubahan signifikan bukan hanya diperingkat individu tetapi juga keluarga dan komuniti.

"Oleh itu, mari kita tingkatkan lagi imej Malaysia dengan menepati segala janji yang dibuat dan menonjolkan potensi yang kita ada demi seluruh rakyat Malaysia."

Singapore Business Times melaporkan minggu ini Malaysia telah mengatasi negara jiran dalam pertumbuhan ekonomi, sesuatu yang luar biasa pada bila-bila masa.

Beberapa pemberian daripada kerajaan dan lebih banyak pelaburan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan jelas meningkatkan pertumbuhan, kata akhbar perniagaan tersebut.

Angka Malaysia menunjukkan permintaan dalaman meningkat kepada 13.8 peratus berbanding 9.7 peratus dalam suku sebelumnya.

Pelaburan meningkat dengan besar: 26.1 peratus dari 16.1 peratus pada fasa pertama dengan perbelanjaan kerajaan berkembang kepada 9.4 peratus berbanding 7.3 peratus dalam suku pertama.

Eksport menyusut sedikit dengan pertumbuhan hanya 2.1 peratus berbanding hampir tiga peratus sebelumnya.

Pertumbuhan Malaysia dipimpin oleh sektor pembuatan (22.2 peratus berbanding 15.5 peratus sebelumnya).

Sektor perkhidmatan meningkat 6.3 peratus dan sektor pembuatan meningkat kepada 5.6 peratus.

Pertumbuhan perlombongan kembali pulih (2.3 peratus berbanding 0.3 peratus pada suku pertama) dengan pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi, manakala yang hanya bertumbuh dalam sektor pertanian adalah segmen yang dikontrakkan (tolak 4.7 peratus) oleh kerana pengeluaran minyak sawit berkurangan.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dengan-angka-ekonomi-yang-kuat-bn-semakin-yakin-berdepan-pru/>